

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 OKTOBER 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pelajar perlu bersedia hadapi sistem ekonomi digital - Madius	Bernama.com
2	MOSTI galak penyelidikan dalam bidang pengurusan kesihatan – Abu Bakar	Bernama.com
3	CyberSecurity Malaysia menang anugerah Inovasi Keselamatan SiberEye	Bernama.com
4	Akses istimewa untuk wanita	Mingguan Malaysia
5	Analisi DNA forensik	Mingguan Malaysia
6	Jerebu: Dua penerbangan dibatalkan di lapangan terbang Tawau	Bernama.com
7	Tanjung Malim dan Cheras lokasi terbaru catat IPU tidak sihat setakat 6 petang	Bernama.com
8	El Nino not dry enough to prevent floods in parts of peninsula	Sunday Star
9	'Serah mayat sebaik terima surat ujian DNA'	Berita Harian
10	Families unable to claim remains	New Sunday Times



Pelajar Perlu Bersedia Hadapi Sistem Ekonomi Digital - Madius

TUARAN, 16 Okt (Bernama) -- [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau](#) menasihatkan pelajar agar bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapi ekonomi digital melalui penerokaan sains dan teknologi.

Katanya penguasaan generasi muda dalam bidang berkenaan perlu terutama menjelang 2020 apabila perniagaan hanya dijalankan melalui dunia maya.

"Kerajaan menyasarkan 60 peratus daripada pelajar mengambil sains dan ini adalah sebahagian daripada sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk mencapai wawasan 2020. Setibanya 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dalam bidang sains," katanya kepada pemberita selepas penyampaian kit pendidikan sempena Program Singgah Sains di Sekolah Kebangsaan Lokos, dekat sini hari ini.

Madius yang juga Anggota Parlimen Tuaran berkata pada masa kini aplikasi untuk mengesan keaslian spesies durian Musang King adalah antara aplikasi digital yang telah digunakan dan merupakan antara perkara baharu dalam ekonomi digital.

Aplikasi itu dapat menyimpan data yang diperoleh dengan tersusun.

Tambahnya, MOSTI juga mewujudkan sebuah aplikasi berasaskan web untuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) yang membolehkan pelanggan yang berada di luar negara mendapatkan produk tempatan.

Mengenai program sehari itu, Madius berkata ia melibatkan 143 pelajar dari sembilan sekolah rendah di Tuaran dan julung kali diadakan di Sabah oleh Pusat Sains Negara (PSN).

Katanya program itu dilaksanakan bagi menarik minat para pelajar sekolah, khususnya di luar bandar dan pedalaman, untuk mempelajari sains.

"Aktiviti ini dirancang untuk meningkatkan pemikiran kritikal dalam kalangan pelajar selaras dengan usaha PSN memperkenalkan pembelajaran sains tidak formal berkonsepkan sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik," katanya.

Antara aktiviti dijalankan termasuk 'giant bubble', saintis tunas, bengkel 'fun with solid, liquid and gas', dan bengkel 'biomass battery'.

-- BERNAMA



MOSTI Galak Penyelidikan Dalam Bidang Pengurusan Kesihatan - Abu Bakar

MELAKA, 16 Okt (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) menggalakkan lebih banyak penyelidikan untuk menghasilkan produk atau teknologi dalam bidang pengurusan kesihatan sebagai usaha meningkatkan kualiti dan penyampaian sistem kesihatan di negara ini.

[Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata usaha itu perlu diberi penekanan di peringkat universiti atau institusi pengajian tinggi dengan sokongan pihak industri sekali gus memberi impak positif kepada negara.

Beliau berkata produk atau hasil penyelidikan itu kemudian boleh dikomersilkan untuk manfaat semua pihak termasuk pesakit.

"MOSTI menyediakan pelbagai peruntukan bagi membantu penyelidik menghasilkan teknologi atau produk dalam industri kesihatan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Hospital Pantai Ayer Keroh di sini Jumaat.

UTeM diwakili Naib Canselornya Prof Datuk Dr Shahrin Sahib dan Hospital Pantai Ayer Keroh oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Michael E.C Wong yang turut dihadiri Pengerusi Hospital Pantai Datuk Khairil Anuar Abdullah.

Abu Bakar berkata kerjasama itu diharap menjadi perintis kepada universiti lain dan industri perubatan untuk berganding bahu menyediakan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti.

Beliau berkata kerjasama antara kedua-dua pihak berkenaan, yang melibatkan pemindahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kejuruteraan dalam bidang perubatan, dapat dipertingkatkan menerusi hasil penyelidikan berimpak tinggi.

Sementara itu, Shahrin berkata MoU melibatkan kerjasama melalui perisian dikenali sebagai 'Smart Ward' itu membantu Hospital Pantai menyediakan sistem pengurusan kesihatan pesakit yang lebih cekap dan dinamik.

"Ini adalah pencapaian terbaharu bagi UTeM untuk terus menjalin hubungan dengan industri terutama dalam bidang perubatan atau kesihatan yang memberi manfaat kepada warga UTeM," katanya.

Khairil Anuar pula berkata penggunaan perisian berkenaan memudahkan pesakit untuk mendaftar dan keluar daripada hospital tersebut melalui satu sistem yang mudah.

Beliau berkata penggunaan tersebut akan diperluaskan di semua rangkaian Hospital Pantai dan Hospital Gleneagles di seluruh dunia secara berperingkat.



Cybersecurity Malaysia Menang Anugerah Inovasi Keselamatan Siber FireEye

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- [CyberSecurity Malaysia](#) hari ini mengumumkan ia telah berjaya sebagai pemenang Anugerah Inovasi Keselamatan Siber Terbaik FireEye.

[Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Amirudin Abdul Wahab](#) dalam satu kenyataan hari ini berkata, anugerah itu diberikan atas pendekatan inovatif dan kepimpinan badan itu membantu memerangi serangan siber dalam kalangan organisasi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII), syarikat dan agensi kerajaan.

"Saya berbesar hati dan bangga dengan pasukan saya. Kita semua dalam CyberSecurity Malaysia amat teruja dan ini adalah satu pencapaian yang besar dalam industri keselamatan siber.

"Anugerah ini juga baik untuk negara kita, kerana ia menggalakkan rakyat Malaysia menjadi individu yang berinovatif dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang selamat yang mempunyai langkah keselamatan siber yang kukuh," katanya.

Majlis penyampaian anugerah itu diadakan bersempena Sidang Kemuncak Pertahanan FireEye 2015 di Washington DC, Amerika Syarikat. Anugerah diterima Dr Zahri bagi pihak CyberSecurity.

FireEye Inc telah mencipta sebuah mesin maya khas berasaskan platform keselamatan yang menyediakan perlindungan ancaman masa sebenar untuk syarikat dan kerajaan di seluruh dunia terhadap serangan siber bagi generasi akan datang.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 2
TARIKH: 18 OKTOBER 2015 (AHAD)

Akses istimewa untuk wanita

KUALA LUMPUR 17 Okt. -

Golongan wanita di negara ini bakal diberikan akses istimewa kepada pangkalan data yang mengandungi pelbagai maklumat berkaitan mereka.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad (MIMOS), Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, pangkalan data itu boleh dimanfaatkan golongan wanita untuk tujuan pembangunan dalam pelbagai bidang sekali gus memudahkan capaian untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan betul.

Katanya, pembangunan platform itu dijangka dapat digunakan selewat-lewatnya pada tahun ini dan bakal diperluaskan di peringkat ASEAN sekiranya berjaya dilaksanakan di negara ini.

"Pangkalan data ini adalah enjin (carian) yang membolehkan pengguna mendapat maklumat secara khusus mengenai perkara-perkara seperti data berkaitan ibu tunggal, statistik golongan miskin dan dalam bidang perniagaan.

"Gudang ilmu ini dibuka hanya untuk wanita dan boleh membantu wanita dalam memajukan mereka dalam pelbagai bidang demi meningkatkan taraf kehidupan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan cadangan itu dalam sesi plenari sempena Persidangan ASEAN Wanita Dalam Politik (WIPKL 2015) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Abdul Wahab merupakan panel dalam persidangan itu yang bertajuk: "Inklusif Digital: Peluang dan Cabaran".

Abdul Wahab berkata, cadangan itu telah disampaikan kepada Pengerusi Wanita Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil untuk dipertimbangkan.

Semasa membentangkan cadangan itu, Abdul Wahab berkata, inklusif digital merupakan satu langkah untuk memperkasakan rakyat melalui teknologi maklumat dan komunikasi.

KERATAN AKHBAR

MINGGUAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 10

TARIKH : 18 OKTOBER 2015 (AHAD)

DNA 101

**PROF. MADYA
DR. ZAFARINA
ZAINUDDIN**



Analisis DNA Forensik

PENERIMAAN bukti DNA dalam sistem perundangan di England dan Amerika Syarikat pada sekitar tahun 1980-an telah membawa kepada revolusi baharu dalam bidang Sains Forensik. Sir Alec Jeffreys, seorang saintis di England merupakan individu pertama yang memperkenalkan kaedah DNA *Fingerprinting* bagi mengenalpasti individu.

Dengan menggunakan teknik ini, seorang remaja berusia 17 tahun yang menghadapi tuduhan membunuh telah dibuktikan tidak terlibat dalam jenayah tersebut. Setahun kemudian, penjenayah sebenar telah berjaya dikenal pasti, juga dengan menggunakan kaedah DNA *Fingerprinting*.

Bermula dari kejayaan bukti DNA dalam kes ini, ia semakin diterima pakai oleh sistem perundangan di negara-negara lain, termasuk juga Malaysia (sekitar tahun 1990-an). Berdasarkan ketepatan dan kebolehppercayaan analisis DNA forensik, ia telah menjadi bukti yang sangat penting, terutamanya untuk tujuan pengecualian individu yang tidak bersalah.

Semua sel, kecuali sel darah merah matang mengandungi DNA. Oleh yang demikian, semua jenis sampel biologi yang ditemui di tempat kejadian (*crime scene*) boleh digunakan dalam analisis DNA forensik. Kaedah DNA *Fingerprinting* yang diperkenalkan oleh Sir Alec Jeffreys menggunakan bahagian DNA yang mengandungi corak jujukan berulang yang unik bagi setiap individu. Pada hari ini, jujukan berulang yang dinamakan sebagai *Short Tandem Repeats* (STRs) merupakan penanda utama yang digunakan dalam analisis DNA forensik.

Perbezaan corak penanda STRs inilah yang akan memberikan profil DNA bagi setiap individu. Semakin banyak penanda STRs yang digunakan, semakin tinggilah perbezaan yang ditunjukkan di antara individu. Bagi 13 hingga 15 penanda STRs yang digunakan oleh kebanyakan makmal forensik di seluruh dunia pada masa kini, kuasa diskriminasi (*power of discrimination*) adalah menghampiri satu dalam 10¹⁴-10²³ populasi (jumlah populasi dunia setakat ini adalah 7.3 billion).

Ini bermakna, setiap individu, kecuali kembar seiras, mempunyai DNA profil tersendiri yang tidak mungkin akan sama dengan mana-mana individu lain di atas muka bumi ini. DNA yang berbeza mempunyai kepentingan yang berbeza dalam analisis DNA forensik. Dalam kes-kes jenayah, penanda STRs pada DNA *autosom* (DNA nukleus selain daripada kromosom seks) merupakan pilihan utama kerana sifatnya yang unik bagi setiap individu. Berbeza dengan STRs pada kromosom Y, setiap lelaki daripada keturunan paternal yang sama akan mempunyai profil Y-STRs yang sama.

Walaupun bagaimanapun, analisis STRs pada kromosom Y adalah penting dalam kes jenayah seperti rogol kerana ia adalah spesifik kepada lelaki sahaja. Ini akan dapat membantu sekiranya jumlah DNA yang diperolehi dari tempat kejadian atau daripada mangsa (*vaginal swab*) mengandungi DNA penjenayah (lelaki) yang jauh lebih rendah daripada jumlah DNA mangsa (perempuan). Penggunaan STRs pada kromosom Y akan dapat mengesan DNA yang sedikit ini dan seterusnya memberikan profil DNA penjenayah tersebut. Selain daripada DNA *autosom* dan kromosom Y, DNA mitokondria juga mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya dalam analisis DNA forensik.

DNA yang hanya diwarisi secara maternal (daripada ibu sahaja) ini sangat berguna dalam kes yang memerlukan identifikasi mangsa seperti orang hilang atau mangsa yang tiada maklumat identiti. DNA mitokondria juga lebih tahan terhadap degradasi dan wujud dalam jumlah yang lebih banyak dalam setiap sel. Oleh yang demikian, dalam kes-kes yang melibatkan sampel biologi yang telah mereput teruk atau tulang yang terbakar, DNA mitokondria boleh membantu dalam mengenal pasti identiti mangsa melalui perbandingan dengan saudara daripada keturunan maternal yang sama.

Penemuan

Kemajuan teknologi berkaitan analisis DNA forensik telah membolehkan sampel biologi yang seringkali ditemui dalam kualiti yang terhad di tempat kejadian, seperti kesan air liur, darah dan air mani, diguna pakai untuk tujuan identifikasi. Walaupun jumlah DNA yang diperolehi sangat sedikit, teknologi seperti *Polymerase Chain Reaction* (PCR) membolehkan DNA diamplifikasi sehingga mencapai jumlah yang mencukupi untuk tujuan analisis. Kaedah PCR juga sangat spesifik di mana primer yang digunakan (primer adalah rantai pendek DNA yang menjadi pemula untuk sintesis rantai DNA yang baharu) telah direka untuk berpadanan dengan DNA manusia sahaja.

Spesifikasi adalah amat penting dalam kes forensik, terutamanya apabila melibatkan sampel yang telah bercampur aduk antara DNA manusia dengan bukan manusia. Dengan menggunakan primer yang hanya spesifik kepada DNA manusia, semua DNA lain yang turut berada dalam sampel yang hendak diuji tidak akan mengganggu keputusan ujian.

Secara ringkasnya, setiap sampel biologi akan melalui proses berikut sebelum DNA profil diperolehi:

- 1) **Pengestrakan:** proses untuk membebaskan DNA daripada sel;
- 2) **Kuantifikasi:** untuk mengetahui jumlah sebenar DNA yang telah berjaya diekstrak;
- 3) **Amplifikasi:** untuk memperolehi DNA dalam kuantiti yang mencukupi;
- 4) **Pemisahan:** untuk memisahkan DNA yang telah diamplifikasi berdasarkan saiz masing-masing;
- 5) **Analisis dan interpretasi:** perbandingan profil DNA yang diperolehi dengan profil DNA rujukan/suspek;
- 6) **Quality Assurance:** bagi memastikan keputusan yang diperolehi serta laporan yang dikeluarkan adalah tepat.

Penemuan profil DNA yang lengkap di tempat kejadian adalah bukti yang sangat berguna dalam kes jenayah. Namun demikian, limitasi utama dalam analisis DNA forensik adalah ketiadaan profil DNA daripada suspek untuk dibuat perbandingan. Sehubungan itu, penubuhan pangkalan data DNA di Malaysia merupakan satu langkah yang amat baik.

Pangkalan data ini menyimpan beberapa kategori profil DNA, termasuk profil DNA penjenayah. Di Amerika Syarikat, CODIS merupakan antara pangkalan data DNA yang terbesar di dunia. Ia menyimpan antaranya profil DNA penjenayah, orang hilang, bukti tempat kejadian dan orang yang tidak dikenali. Carian profil DNA melalui CODIS telah berjaya menemukan suspek dan menyelesaikan beribu-ribu kes jenayah. Kejayaan bukti DNA dalam kes-kes jenayah telah membuka mata masyarakat tentang kepentingannya. Namun demikian, persepsi masyarakat kadang-kala agak tersasar apabila bukti DNA dianggap sebagai penentu akan "kesalahan" seseorang suspek. Bukti DNA sahaja tidak boleh berdiri dengan sendiri tanpa sokongan bukti fizikal lain dan bukti DNA tidak semestinya diperlukan dalam setiap kes jenayah.

Sekiranya jenayah melibatkan saudara mara yang tinggal serumah dan kejadian berlaku dalam rumah tersebut, maka bukti DNA tidak berguna kerana sememangnya DNA pelaku dan mangsa akan ditemui di tempat kejadian. Kehadiran siri televisyen seperti CSI telah sedikit sebanyak menyebabkan masyarakat terpesona kepada kecanggihan teknologi yang "diwujudkan" mengikut gambaran penulis skrip dan pengarah sedangkan pada hakikatnya ia tidak lah semudah itu. Saintis berkot putih yang menjalankan analisis di dalam makmal tidak mungkin memegang senjata sejam kemudian, mengejar suspek dalam adegan kejar mengejar yang mendebarakan dan seterusnya menyelesaikan kes tersebut dalam masa kurang 24 jam!

● Penulis adalah Pengarah Penyelidikan, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia, NIBM dan Pensyarah, Universiti Sains Malaysia (USM).



Jerebu: Dua Penerbangan Dibatalkan Di Lapangan Terbang Tawau

KOTA KINABALU, 18 Okt (Bernama) -- Dua penerbangan keluar dan masuk di Lapangan Terbang Tawau dibatalkan akibat jarak ketampakan yang terhad berikutan jerebu pagi ini.

Pengurus lapangan terbang itu, Yaakob Abu Bakar berkata sektor terlibat ialah Kota Kinabalu-Tawau-Kota Kinabalu membabitkan penerbangan MASWings dan Malaysia Airlines.

Yaakob berkata tiga penerbangan pelepasan dan ketibaan turut mengalami kelewatan iaitu Kota Kinabalu-Tawau-Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur-Tawau-Kuala Lumpur membabitkan penerbangan MASWings serta AirAsia.

"Lapangan terbang ini ditutup pada jam 8 pagi berikutan keadaan jerebu yang mengehadkan jarak ketampakan dan dibuka semula pada 10 pagi tadi," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Bagaimanapun, katanya keadaan di Lapangan Terbang Tawau masih terkawal, namun pihak lapangan terbang dengan kerjasama Jabatan Penerbangan Awam dan [Jabatan Meteorologi](#) akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa.

Setakat 2 petang, Indeks Pencemaran Udara di Tawau mencatat bacaan 123, iaitu kualiti udara tidak sihat.

Sementara itu, Pengurus Lapangan Terbang Kota Kinabalu Sunif Naiman berkata penerbangan MASWings MH2121 ke Tawau dari Kota Kinabalu pagi ini berpatah balik akibat jerebu, namun, dilencongkan pula ke Brunei berikutan hujan di Kota Kinabalu.

Pesawat yang dilencongkan ke Brunei itu selamat mendarat di Kota Kinabalu pada 11.45 pagi ini, katanya.

-- BERNAMA



Tanjung Malim Dan Cheras Lokasi Terbaru Catat IPU Tidak Sihat Setakat 6 Petang

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Dua lagi kawasan iaitu Tanjung Malim dan Cheras mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat, menjadikan keseluruhan 16 kawasan yang berada pada tahap tidak sihat setakat 6 petang.

Menurut portal Jabatan Alam Sekitar (JAS), bacaan IPU bagi Tanjung Malim ialah 102 manakala Cheras (105).

Sebanyak 14 kawasan masih berada pada paras tidak sihat sejak 2 petang iaitu Bandaraya Melaka (122), Bukit Rambai (116), Nilai (120), Port Dickson (111), Seremban (121), Tawau (135), Kuching (101), Samarahan (110), Banting (124), Pelabuhan Klang (116), Petaling Jaya (110), Shah Alam (111), Batu Muda (121) serta Putrajaya (116).

Sementara itu 26 kawasan merekodkan bacaan IPU sederhana iaitu Kota Tinggi (60), Larkin Lama (92), Muar (94), Pasir Gudang (86), Alor Setar (57), Bakar Arang (79), Langkawi (51), Balok Baru (99), Indera Mahkota (86), Jerantut (80), Jalan Tasek (83), S K Jalan Pegoh (94), Kg. Air Putih (73), Seri Manjung (90).

Perai (67), Seberang Jaya 2 (80), USM (69), Bintulu (68), Kapit (59), Sarikei (82), Sibu (80), Sri Aman (100), Kuala Selangor (87), Kemaman (87), Kuala Terengganu (53) dan Paka (72).

Sejumlah sembilan kawasan mencatatkan bacaan IPU baik iaitu SMK Tanjung Chat (49), Tanah Merah (45), Kangar (37), Keningau (23), Kota Kinabalu (32), Sandakan (32), ILP Miri (23), Limbang (26) serta Labuan (24).

IPU antara 0 hingga 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 301 ke atas (berbahaya).

Orang ramai boleh merujuk portal apims.doe.gov.my untuk mengetahui bacaan IPU semasa.

Sementara itu **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail** ketika dihubungi Bernama berkata kualiti udara di negara ini kembali merosot berpunca daripada ribut tropika Koppu dan Champi yang terbentuk di perairan Filipina dan mempengaruhi corak tiupan angin yang membawa kepada jerebu.

"Keadaan ini dijangka berlanjutan sehingga Sabtu apabila masih terdapat kebakaran di selatan Sumatera dan Kalimantan yang membawa angin asap itu kembali ke rantau ini," katanya.

Negara mula dilanda jerebu sejak Ogos lalu melibatkan kebanyakan kawasan di seluruh Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 01
TARIKH: 18 OKTOBER 2015 (AHAD)

El Nino not dry enough to prevent floods in parts of peninsula

By RAZAK AHMAD
razak@thestar.com.my

PETALING JAYA: Despite the forecast of the dry El Nino weather phenomenon, parts of Pahang, Johor and Sarawak are expected to be hit by floods soon.

The north-east monsoon season, which begins at the end of this month, is set to bring heavy rains over these states.

The Malaysian Meteorological Department said although El Nino would cause relatively drier conditions over the next few months in the peninsula, it would not be enough to stop the year-end floods from taking place in December.

El Nino is also expected to cause more rain in the western part of Sarawak, raising the likelihood of floods in the area sometime between January and March (see

graphic on Page 3).

"We don't expect any extreme level of rainfall in the states on the east coast of the peninsula due to El Nino but we can still expect floods, though not as severe as last year.

"The western part of Sarawak will usually get more rain during El Nino, so the possibility of floods in that area is high from January to March," said department spokesman Dr Hisham Mohd Anip.

El Nino is an irregular weather phenomenon which causes sea temperatures in the equatorial Pacific Ocean to rise, leading to unusually heavy rains in some parts of the world and drought elsewhere.

The last extreme El Nino took place in 1997-98, causing the hottest year on record as well as floods, cyclones, droughts and huge damage to food production.

In December last year, several

states including Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu and Pahang were hit by one of the worst floods on record due to the north-east monsoon.

Hisham said the monsoon usually starts in early November but due to El Nino, it was expected to arrive earlier this year, possibly at the end of this month.

KES MURID ORANG ASLI HILANG

'Serah mayat sebaik terima surat ujian DNA'

Gua Musang: Hospital Gua Musang (HGM) akan menyerahkan mayat dan rangka kanak-kanak mangsa hilang di hutan kepada keluarga mereka sebaik mendapat pengesahan hasil ujian DNA.

Pengarah HGM, Dr Nik Mohd Faizal Zainal Abidin, berkata pihaknya belum menerima keputusan rasmi ujian DNA bagi pengesahan mayat dan rangka dipercayai Ika Ayel, 9, dan Juvina David, 7.

Ketahui menerusi kenyataan akhbar

"Saya hanya mengetahui mengenai pengesahan identiti ujian DNA itu menerusi kenyataan akhbar Ketua Polis Kelantan, Datuk Mazlan Lazim tetapi kita belum menerima surat rasmi mengenainya.

"Kita akan memanggil dua keluarga terbabit untuk membuat tuntutan mayat sebaik surat ujian DNA diterima," katanya ketika dihubungi, semalam.

Akhbar semalam melaporkan, penemuan empat mayat, termasuk dua rangka manusia dipercayai kanak-kanak Orang Asli yang hilang dalam Hutan Pos Tohoi, Gua Musang hampir terungkai apabila dua daripadanya disahkan Ika dan Juvina.

Mazlan dilaporkan berkata, keputusan itu disahkan menerusi ujian DNA oleh Jabatan Kimia,

Petaling Jaya.

Keputusan DNA terhadap satu lagi mayat dan rangka manusia dijangka diketahui minggu depan.

Pada 23 Ogos lalu, tujuh murid Orang Asli dari Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi dilaporkan hilang iaitu Mirsudiar Aluj, 11; Noreen Yaakob, 10; Linda Rosli, 8; Sasa Sobrie, 8; Haikal Yaakob, 8; Juvina dan Ika.

Dr Nik Mohd Faizal berkata, dua lagi mayat daripada kes sama yang masih berada di hospital itu turut menunggu keputusan ujian DNA sebelum diserahkan kepada keluarga masing-masing.

Beliau berkata, mayat tidak boleh diserahkan selagi keputusan rasmi ujian DNA belum diperoleh.



"Kita akan memanggil dua keluarga terbabit sebaik surat ujian DNA diterima"

Dr Nik Mohd Faizal Zainal Abidin,
Pengarah HGM

KES MURID ORANG ASLI HILANG

DNA sah milik Ika, Juvina

"Dua lagi spesimen mayat, rangka manusia belum dikenal pasti"

Oleh Ramli Ibrahim
dan Zuhairi Zainuddin
bhk@bhd.com.my

Kota Bharu

Penemuan empat mayat termasuk dua rangka manusia dipercayai kanak-kanak Orang Asli yang hilang dalam Hutan Pos Tohoi dekat Gua Musang, hampir terungkai apabila dua daripadanya disahkan milik Ika Ayel, 9, dan Juvina David, 7.

Ketika mengumumkan perkara itu, Ketua Polis Kelantan, Datuk Mazlan Lazim, berkata



Mazlan menunjukkan laporan keputusan analisis DNA yang mengesahkan dua kanak-kanak Orang Asli yang dijumpai milik Ika dan Juvina pada sidang media di IPK Kelantan, semalam.

ngat Perias adalah milik Juvina iaitu anak kandung Sheila Omar, 25, dan David Kusman, 21.

esokannya. Mayat pertama ditemui pada 7 Ogos lalu selepas 46 hari pencarian.

ngebumikan an secara bersama dengan Ika dan Juvina. Da

Keratan akhbar BH semalam.

Families unable to claim remains

REASON: Gua Musang Hospital has yet to receive official DNA results from police

RAMLI IBRAHIM
GUA MUSANG,
news@nst.com.my

THE families of Juvina David, 7, and Ika Ayel, 9, are unable to claim their remains from Gua Musang Hospital as it has yet to receive the official DNA results from police.

Hospital director Dr Nik Mohd Faizal Zainal Abidin said they could not release the remains without the official DNA report from the **Chemistry Department**.

"I only learnt of the test results through state police chief Datuk Mazlan Lazim's press conference, which was aired on television. We haven't received the original copy of the DNA results," he said, adding



Shela Omar (left), **Nora Tegau** (second from left) and **David Kuasan** (right) are waiting for Gua Musang Hospital to release their children's remains. Pic by Fathil Asri

that the hospital should be receiving it within the next few days.

On Friday, Mazlan said based on the results obtained from the Chemistry Department in Petaling Jaya, Selangor, the DNA of the skeletal remains matched 99.99 per cent of those of Juvina's parents, Shela Omar, 26, and David Kuasan, 31.

The other body identified through DNA test was Ika's.

Mazlan said the remains, which were found near the two survivors, Norieen Yaakob, 10, and Mirsudiar Aluj, 11, were confirmed to belong to

Ika, the daughter of Nora Tegau, 40, and Ayel Ajib, 48.

The skeletal remains and a body of another two victims, believed to be Sasa Sobrie, 8, and Linda Rosli, 8, are still being held by the department.

Seven Orang Asli children of SK Pos Tohoi — Mirsudiar Aluj, 11, Noreen Yaakob, 10, Ika Ayel, 9, Sasa Sobrie, 8, Haikal Yaakob, 8, Linda Rosli, 8, and Juvina David, 7 — went missing on Aug 23 after a teacher reprimanded them for swimming in a river without permission.